



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11.00 pagi, Selasa, 22 Oktober 2024

Untuk Terbitan Media  
22 Oktober 2024

## SIARAN MEDIA

### PERKESO SAMBUT BAIK INISIATIF BELANJAWAN 2025 MANIFESTASI EKONOMI MADANI

**KUALA LUMPUR:** Tiga inisiatif utama dalam Belanjawan 2025 untuk dilaksanakan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mencerminkan tekad kerajaan bagi mewujudkan ekonomi MADANI yang inklusif, berdaya tahan dan mampan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, yang menyambut baik pengumuman belanjawan berkenaan berkata penyediaan jaringan keselamatan sosial adalah elemen terpenting di sebalik ketidaktentuan di peringkat domestik dan global.

Sehubungan itu, katanya, peruntukan subsidi RM100 juta dalam bentuk geran padanan bagi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) ialah langkah tepat, dengan mengambil kira pola peningkatan peralihan pekerja ke sektor tidak formal pasca COVID-19.

“Inisiatif padanan caruman sebanyak 70 peratus dibiayai kerajaan menerusi SKSPS, manakala baki 30 peratus oleh individu bekerja sendiri mencerminkan kecaknaan kerajaan mengenai keperluan menyediakan jaringan keselamatan sosial bagi pekerja di sektor tidak formal.

“Kelangsungan usaha ini penting kerana jurang keadilan sosial antara sektor formal dan tidak formal masih wujud, sekali gus mendedahkan individu bekerja sendiri kepada pelbagai risiko bencana kerja serta kehilangan punca pendapatan.

“Justeru, PERKESO amat menyambut baik tekad kerajaan dalam memastikan sinergi perlindungan keselamatan sosial kekal untuk sektor tidak formal kekal terjamin pada tahun depan,” katanya menerusi kenyataan, di sini, hari ini.

Terdahulu, pembentangan Belanjawan 2025 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim, bertemakan ‘Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat’ menyaksikan peruntukan terbesar pernah disalurkan kerajaan, mencecah RM421 bilion dengan RM335 bilion bagi belanja mengurus manakala RM86 bilion untuk belanja pembangunan.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata, tekad kerajaan meneruskan insentif bulanan RM600 bagi tempoh tiga bulan kepada majikan yang menggaji pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) dan bekas banduan demi memastikan golongan rentan tidak disisihkan daripada mendapat pembelaan sewajarnya dalam kerancakan sektor pasaran buruh.

Dari aspek kelangsungan tenaga buruh, beliau menyifatkan, pembinaan Pusat Rehabilitasi PERKESO yang serba canggih di Terengganu, dengan anggaran kos pembinaan hampir RM600 juta merupakan strategi ‘serampang dua mata’.

“Hal ini kerana penyediaan kemudahan rehabilitasi yang ketiga seumpamanya di negara ini bukan sekadar menawarkan perkhidmatan holistik daripada rawatan pemulihan hingga program kembali bekerja, malah menjana peluang pekerjaan setempat.

“Pembangunan pusat rehabilitasi ini juga diyakini mampu menyuraikan kesesakan perkhidmatan dan menjamin keadilan sosial merentasi sempadan wilayah serta negeri,” katanya.

## **Tamat**

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**22 Oktober 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**